01/07/2015

**FENDONA SC** ialah sejenis racun serangga daripada kumpulan pyrethroid yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut yang bertindak ke atas sistem saraf.

**ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.**

| TEMPAT / KAWASAN 地方/位置 | SERANGGA 害 蟲 | KADAR RACUN 10 LITER AIR 用量 10 公升水 | CATATAN 備 注 |
|---|---|---|---|
| Dapur, restoran, tempat menyimpan makanan, tempat memproses makanan dan sebagainya<br>廚房，餐廳，食品貯藏處，食品進行加工處，等等。 | Nyamuk dewasa 蚊子 *(Anopheles latens)* | 200 ml / 毫升 | Sembur pada kadar 1 liter campuran bagi 20 meter persegi permukaan yang hendak dirawat. Permukaan harus disembur dengan sempurna. Pastikan semburan sama rata dan tumpukan pada kawasan-kawasan yang sering menjadi tumpuan serangga. Jangan sembur pada makanan dan tempat-tempat penyediaan makanan.<br>于20平方公米的表面，噴射1公升的稀釋液。全部表面需均勻的噴射，且注意於害蟲喜歡集中的地方。勿噴射於食品及準備食物之處。 |
| | Jentik-jentik nyamuk 孑孓 *(Aedes aegyptii, Culex quinquefasciatus, Mansonia uniformis)* | 400 ml / 毫升 | |
| | Lipas 蟑螂 *(Blatella germanica)*<br>Semut 螞蟻 *(Paratrechina longicornis)*<br>Pijat 臭蟲 *(Cimex lectularius)*<br>Kutu 跳蚤 *(Xenopsylla cheopsis)* | 400 ml / 毫升 | |
| | Lalat 蒼蠅 *(Musca domestica)* | 200 ml / 毫升 | |
| Reban Ayam 雞寮 | Lalat 蒼蠅 *(Musca domestica)* | 667 ml / 毫升 | |

**Jangan sembelih ayam sekurang-kurangnya satu hari selepas semburan terakhir.**

**Panduan Membancuh:** Disyor menggunakan alat penyembur galas bernozel jenis "Fan Nozel". Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan **FENDONA SC** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi dari yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **FENDONA SC** di dalam tangki alat penyembur.

**Panduan Menyembur:** Jangan sembur berhampiran dengan tempat penyediaan makanan termasuk makanan ternakan.

**AWAS:** a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan (respirator).

b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

**TANDA KERACUNAN:** Gatal-gatal pada mata, hidung, kerongkong dan kulit. Pendedahan yang berlebihan menyebabkan hilang kawalan gerakan dan gaya berjalan yang luar biasa.

**RAWATAN KECEMASAN:** Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**RAWATAN PERUBATAN:** Jika tertelan, lakukan kurasan gaster dengan berhati-hati untuk mencegah penyedutan. Rawatan hendaklah mengikut tanda sakit.

**MEDICAL TREATMENT:** If swallowed, perform gastric lavage with care to prevent aspiration. Treatment is symptomatic.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

**NO. KECEMASAN Tel.: 03-5628 3999**



* Tanda Dagangan BASF

P(L) 07/15

# FENDONA SC

**Perawis Aktif : alpha-cypermethrin .......................... 1.47% w/w**
**Perawis Lengai : ...................................................... 98.53% w/w**

RACUN SERANGGA / INSECTICIDE / 殺蟲劑

PEKATAN AMPAIAN (SC)

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA**

**No. Pendaftaran : LRMP. R1/2846**

Kandungan Bersih : 4 liter

Tarikh Mengilang :



Lipas (x 1) Lalat (x 2) Semut (x 3) Kutu (x 6)

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi:
**PUSAT RACUN NEGARA - 1-800-88-8099 (waktu pejabat)**
**- 012-4309499 (lepas waktu pejabat)**

**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

Didaftarkan oleh :
**BASF (Malaysia) Sdn. Bhd.** (182671-M)
No. 2, Jalan Astaka U8/87, Bukit Jelutong, Seksyen U8,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel.: 03-5628 3888 Faks: 03-5628 3777

BASF We Create Chemistry

勿貯藏在靠近
食品或兒童所接觸的地方

**KELAS IV**

உணவுகள் மற்றும்
குழந்தைகளுக்கு அருகில் வைக்காதீர்

**KELAS IV**

**JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK**

**KELAS IV**

**KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN**